

**HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DAN  
PERSONALITI “BIG FIVE” DALAM KALANGAN  
GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH KOTA  
TINGGI**

**ENOCH ANG**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DAN  
PERSONALITI “BIG FIVE” DALAM KALANGAN  
GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH KOTA TINGGI

ENOCH ANG

Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia

Fakulti Pengurusan  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2017

## **DEDIKASI**

Istimewa buat insan-insan tersayang

Isteri – Ng Geik Ying

Ayahanda dan Bonda

Ang Chee Guan

Phang Tiam Yu

Ng Boon Soon

Loh Hoi Hung

Serta

Saudara mara dan rakan- rakan

Yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Mastura Binti Mahfar selaku penyelia, atas kerjasama, bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau agar projek ini dapat disiapkan pada waktunya. Tidak lupa juga kepada semua penarah di Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia dan penilai projek ini di atas penilaian yang telus dan pandangan-pandangan membina yang telah diberikan.

Penghargaan diucapkan kepada semua guru di Daerah Kota Tinggi kerana sudi memberi kerjasama sepanjang kajian dijalankan. Tidak lupa juga kepada tuan Pegawai Pendidikan Daerah Kota Tinggi, Guru Besar sekolah yang terlibat. Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini. Sekian terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara kecerdasan emosi dan personaliti “*Big Five*” dalam kalangan guru sekolah rendah di daerah Kota Tinggi, Johor. Responden merupakan 250 orang guru dari sekolah rendah di daerah Kota Tinggi. Kecerdasan emosi guru telah diukur menggunakan instrumen “*Emotional Competence Inventory (ECI)*” yang dibina oleh Richard Boyatzis dan Danial Goleman (1998) yang telah diterjemahkan oleh Nurzawani (2014). Manakala, personaliti guru diukur menggunakan instrumen *Big Five Personality Inventory (BFI)* yang dibina oleh John, Donahue dan Kentle (1991) yang telah diterjemahkan oleh Janet Ho Siew Ching (2006). Analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi dalam bentuk ujian t dan pekali Korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji hipotesis kajian pada aras signifikan .05. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa jenis personaliti “*Big Five*” guru yang paling dominan di sekolah rendah di daerah Kota Tinggi adalah *Conscientiousness*, manakala kecerdasan emosi guru berada pada tahap tinggi. Tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi setiap dimensi personaliti “*Big Five*” mengikut faktor jantina. Keputusan kajian juga telah menunjukkan bahawa setiap dimensi personaliti “*Big Five*” (*Openness to experience, Conscientiousness, Extraversion, Agreeableness* dan *Neuroticism*) didapati mempunyai hubungan signifikan dengan kecerdasan emosi guru.

## **ABSTRACT**

The aim of this study was to identify the relationship between emotional intelligence and personality "Big Five" at primary school teachers in Kota Tinggi, Johor. This study involved 250 primary schools teacher in Kota Tinggi. Emotional intelligence was measured using the instrument "Emotional Competence Inventory (ECI)" developed by Richard Boyatzis and Daniel Goleman (1998) which has been translated by Nurzawani (2014). While the teachers' personality was measured using the instrument of the Big Five Personality Inventory (BFI) developed by John, Donahue and Kentle (1991) and has been translated by Janet Ho Siew Ching (2006). Descriptive statistics and inferential statistics in term of t-test and Pearson Correlation Coefficient were used to test hypotheses at the significance level 0.05. The findings of this study shown that the most dominant for primary schools teacher in Kota Tinggi of personality "Big Five" is Conscientiousness, while the teacher's emotional intelligence is at a high level. There was no significant difference of each dimension of personality "Big Five" based on gender. Results of the study also showed that each dimension of personality "Big Five" (Openness to experience, Conscientiousness, Extraversion, Agreeableness and Neuroticism) was found to have a significant relationship with teacher's emotional intelligence.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN	xviii
	SENARAI SIMBOL	xix
	SENARAI LAMPIRAN	xx
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Penyata Masalah	7
	1.4 Persoalan Kajian	10

1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Hipotesis Kajian	11
1.7	Skop Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	14
	1.8.1 Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah	15
	1.8.2 Pihak Sekolah	15
	1.8.3 Guru-guru	15
	1.8.4 Pengkaji Yang Akan Datang	16
1.9	Batasan Kajian	16
1.10	Definisi Konseptual dan Operasional	17
	1.10.1 Kecerdasan Emosi	17
	1.10.2 Personaliti	20
	1.10.3 Personaliti “ <i>Big Five</i> ”	22
	1.10.4 Guru	24
1.11	Kesimpulan	25

## 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	26
2.2	Kecerdasan Emosi	27
	2.2.1 Sejarah Kecerdasan Emosi	27
	2.2.2 Model Kecerdasan Emosi	27
	2.2.2.1 Model Bar-On	27
	2.2.2.2 Model Mayer and Salovey	30
	2.2.2.3 Model Goleman	33
	2.2.3 Instrumen Pengukur Tahap Kecerdasan Emosi	36
	2.2.3.1 <i>Bar-On Emotional Quotient Inventory(EQ-i)</i>	36
	2.2.3.2 <i>Mayer Salovey Caruso Emotional</i>	38



	<i>Intelligent Test (MSCEIT)</i>	
	2.2.3.3 <i>Emotional Competence Inventory (ECI)</i>	39
2.3	Model Personaliti	42
	2.3.1 Model <i>Gordon Allort's Trait Theory</i>	42
	2.3.2 Model Personaliti <i>Eyeseck</i>	43
	2.3.3 Model Personaliti " <i>Big Five</i> "	44
	2.3.3.1 Sejarah Model Personaliti " <i>Big Five</i> "	44
	2.3.3.2 Ciri-ciri Personaliti " <i>Big Five</i> "	45
	2.3.4 Rumusan Model Kecerdasan Emosi Dan Model Personaliti	48
2.4	Kajian Lepas	49
	2.4.1 Perbezaan Personaliti " <i>Big Five</i> " Dari Segi Jantina	49
	2.4.2 Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Personaliti " <i>Big Five</i> "	51
2.5	Rangka Kerja Penyelidikan	56
2.6	Rumusan	57
3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	58
	3.2 Reka Bentuk Kajian	59
	3.3 Lokasi Kajian	60
	3.4 Populasi Kajian Dan Sampel Kajian	60
	3.5 Instrumen Kajian	64
	3.5.1 Bahagian A: Latar Belakan Responden	65
	3.5.2 Bahagian B: Kecerdasan Emosi	65
	3.5.3 Bahagian C: Personaliti " <i>Big Five</i> "	67
	3.6 Kajian Rintis	69
	3.7 Prosedur Kajian	71

3.8	Penganalisan Data	72
3.8.1	Statistik Deskriptif	73
3.8.2	Statistik Inferensi	75
3.9	Kesimpulan	77
4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	78
4.2	Maklumat Demografi	79
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	79
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	80
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	80
4.3	Objektif 1: Mengenal Pasti Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	81
4.3.1	Analisis Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Terhadap Dimensi Kesedaran Kendiri.	82
4.3.2	Analisis Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Terhadap Dimensi Pengurusan Kendiri.	83
4.3.3	Analisis Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Terhadap Dimensi Kesedaran Sosial.	85
4.3.4	Analisis Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Terhadap Dimensi Pengurusan Hubungan.	86
4.4	Objektif 2: Mengenal Pasti Jenis Personaliti “ <i>Big Five</i> ” Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	88
4.4.1	Analisis Item Bagi Dimensi <i>Openness to</i>	89

	<i>Experience</i>	
4.4.2	Analisis Item Bagi Dimensi <i>Conscientiousness</i>	91
4.4.3	Analisis Item Bagi Dimensi <i>Extroversion</i>	92
4.4.4	Analisis Item Bagi Dimensi <i>Agreeableness</i>	93
4.4.5	Analisis Item Bagi Dimensi <i>Neuroticism</i>	94
4.5	Objektif 3: Mengenal Pasti Perbezaan Dari Segi Personaliti “ <i>Big Five</i> ” Berdasarkan Jantina Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	96
4.5.1	Ho1: Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Dari Segi Personaliti <i>Openness To Experience</i> Berdasarkan Jantina Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	96
4.5.2	Ho2: Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Dari Segi Personaliti <i>Conscientiousness</i> Berdasarkan Jantina Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	97
4.5.3	Ho3: Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Dari Segi Personaliti <i>Extrovertness</i> Berdasarkan Jantina Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	98
4.5.4	Ho4: Tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi Personaliti <i>Agreeableness</i> berdasarkan jantina dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	98
4.5.5	Ho5: Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Dari Segi Personaliti <i>Neuroticism</i> Berdasarkan Jantina Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	99
4.6	Mengenal Pasti Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dan Personaliti “ <i>Big Five</i> ” Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	100
4.6.1	Ho6: Tidak Terdapat Hubungan Signifikan	100

	Antara Kecerdasan Emosi Dengan Personaliti <i>Openess To Experience</i> Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	
4.6.2	Ho7: Tidak Terdapat Hubungan Signifikan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Personaliti <i>Conscientiousness</i> Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	101
4.6.3	Ho8: Tidak Terdapat Hubungan Signifikan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Personaliti <i>Extrovertness</i> Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	102
4.6.4	Ho9: Tidak Terdapat Hubungan Signifikan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Personaliti <i>Agreeableness</i> Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	103
4.6.5	Ho10: Tidak Terdapat Hubungan Signifikan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Personaliti <i>Neuroticism</i> Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	104
4.7	Ringkasan Dapatan	105
4.8	Rumusan	107
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	108
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	108
5.2.1	Perbincangan Maklumat Demografi Responden	109
5.2.2	Perbincangan Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	110
5.2.3	Perbincangan Jenis Personaliti Yang Dimiliki Oleh Guru Sekolah Rendah Daerah Kota	113

Tinggi.	
5.2.4 Perbincangan Perbezaan Dari Segi Personaliti “ <i>Big Five</i> ” Berdasarkan Jantina Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	116
5.2.5 Perbincangan Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Personaliti Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.	117
5.3 Cadangan-cadangan	119
5.3.1 Cadangan Kepada Guru	119
5.3.2 Cadangan Kepada Sekolah	120
5.3.3 Cadangan Kepada Pejabat Pelajaran Daerah Dan Negeri	121
5.3.4 Cadangan Kepada Pengkaji Yang Akan Datang	121
5.4 Penutup	122
RUJUKAN	123
LAMPIRAN	

## SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Empat Kumpulan Model Goleman	34
Jadual 2.2	Kecerdasan Emosi (EQ) dan Ujian Personaliti Menggunakan Pendekatan Lapuran Kendiri, Keupayaan dan Pemberi Maklumat Dalam Pengukuran	41
Jadual 2.3	Ciri-ciri bagi Personaliti “ <i>Big Five</i> ”	47
Jadual 2.4	Kajian-kajian Lepas Bagi Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Personaliti “ <i>Big Five</i> ”	54
Jadual 3.1	Jumlah Guru Tujuh Sekolah Rendah Di Daerah Kota Tinggi	61
Jadual 3.2	Jadual penentuan sampel berdasarkan Krejcie dan Morgan	62
Jadual 3.3	Kriteria bagi skala Likert	64
Jadual 3.4	Taburan item soal selidik bahagian B	65
Jadual 3.5	Pembahagian Item-Item Soalan Mengikut Jenis Personaliti	66
Jadual 3.6	Skala Likert Lima Mata	67
Jadual 3.7	Dapatan Ujian Kajian Rintis	69
Jadual 3.8	Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian	71
Jadual 3.9	Tahap Persepsi Terhadap Kecerdasan Emosi	73
Jadual 3.10	Jadual Klasifikasi Kekuatan Kolerasi, $r$	74
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	77

Jadual 4.2	Taburan RespondenMengikut Bangsa	78
Jadual 4.3	Taburan RespondenMengikut Kelulusan Akademik	79
Jadual 4.4	Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi	80
Jadual 4.5	Jadual Analisis Kekekapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi Kesedaran Kendiri	81
Jadual 4.6	Jadual Analisis Kekekapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi Pengurusan Kendiri	82
Jadual 4.7	Jadual Analisis Kekekapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi Kesedaran Sosial	84
Jadual 4.8	Jadual Analisis Kekekapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi Pengurusan Hubungan	85
Jadual 4.9	Taburan Min dan Sisihan Piawai Dimensi-dimensi Personaliti	87
Jadual 4.10	Jadual Analisis Kekekapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi <i>Openness to Experience</i>	88
Jadual 4.11	Jadual Analisis Kekekapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi <i>Conscientiousness</i>	89
Jadual 4.12	Jadual Analisis Kekekapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi <i>Extroversion</i>	90
Jadual 4.13	Jadual Analisis Kekekapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi <i>Agreeableness</i>	91
Jadual 4.14	Jadual Analisis Kekekapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi <i>Neuroticism</i>	93
Jadual 4.15	Analisis Perbezaan Dari Dari Segi Personaliti <i>Openness To Experience</i> Berdasarkan Jantina	95
Jadual 4.16	Analisis Perbezaan Dari Dari Segi Personaliti <i>Conscientiousness</i> Berdasarkan Jantina	95

Jadual 4.17	Analisis Perbezaan Dari Dari Segi Personaliti <i>Extrovertness</i> Berdasarkan Jantina	96
Jadual 4.18	Analisis Perbezaan Dari Dari Segi Personaliti <i>Agreeableness</i> Berdasarkan Jantina	97
Jadual 4.19	Analisis Perbezaan Dari Dari Segi <i>Neuroticism</i> Berdasarkan Jantina	98
Jadual 4.20	Analisis Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Personaliti <i>Openness to Experience</i>	99
Jadual 4.21	Analisis Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Personaliti <i>Conscientiousness</i>	100
Jadual 4.22	Analisis Hubungan Antara kecerdasan emosi dengan Personaliti <i>Extrovertness</i>	101
Jadual 4.23	Analisis Hubungan Antara kecerdasan emosi dengan Personaliti <i>Agreeableness</i>	102
Jadual 4.24	Analisis Hubungan Antara kecerdasan emosi dengan <i>Neuroticism</i>	103
Jadual 4.25	Ringkasan Dapatan Kajian	103



**SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 2.1	Model Kecerdasan Emosi oleh <i>Bar-On</i> (2000)	28
Rajah 2.2	Model Empat Cabang Mayer dan Salovey (1997)	33
Rajah 2.3	Rangka Kerja Penyelidikan	56

## SENARAI SINGKATAN

PPD                      Pejabat Pendidikan Daerah

**SENARAI SIMBOL**

p	Aras Signifikan
r	Kekuatan Hubungan
Ho	Hipotesis Nol
N	Jumlah Populasi
S	Jumlah Sampel
%	Peratus

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>
A	Borang Soal Selidik
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kebanyakan ahli akademik telah lama menyedari kepentingan kecerdasan emosi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosi membolehkan kita dapat mengenali, menilai dan mengukur perasaan, emosi diri sendiri serta orang lain supaya kita dapat bertindak balas dengan lebih baik terhadap perasaan itu. Maka dengan itu, kita dapat menjalankan kehidupan serta tugas harian kita dengan menggunakan maklumat dan tenaga emosi. Manakala, menurut Habibah dan Noran Fauziah (2002), kecerdasan emosi adalah sebagai keseluruhan fleksibel di mana seseorang itu akan berhadapan dengan tekanan tanpa kehilangan kawalan sendiri. Pengasas konsep kecerdasan emosi, Salovey dan Mayer (1990), menyatakan bahawa kecerdasan emosi membolehkan seseorang individu menyelesaikan sesuatu masalah dengan

bijaksana dan berfikir secara kreatif. Maka, individu yang cekap dalam empat aspek iaitu menggunakan emosi, mengenal pasti emosi, memahami emosi dan mengawal emosi juga mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Menurut Goleman (1995), 80 peratus kejayaan seseorang individu adalah berkait rapat dengan kecerdasan emosi berbanding dengan 20 peratus sahaja yang disebabkan oleh kecerdasan intelek (Mohd. Azhar, 2004). Manakala, menurut Salovey dan Mayer (1990), kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam menjamin kejayaan kehidupan seseorang individu. Kepentingan emosi jelas dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Negara iaitu:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepedu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

Setiap individu mempamerkan emosi dalam pelbagai bentuk tindakan dengan tujuan supaya memenuhi kepuasan diri individu. Ianya juga boleh ditakrifkan sebagai satu situasi di mana seseorang itu menunjukkan perasaan dari segi proses fisiologi dan psikologi seseorang individu (Mahmood Nazar, 1992). Emosi didefinisikan sebagai satu set tindak balas secara automatik dan komunikasi emosi seperti perkataan, ekspresi muka, tingkah laku dan isyarat yang ditunjukkan oleh individu itu (Mahmood Nazar, 1992).

Oleh demikian, kajian ini akan meneliti kecerdasan emosi berdasarkan model Kecerdasan Emosi yang dikemukakan oleh Goleman (2001). Menurut beliau, ketakutan dan kerisauan boleh mengubah kehidupan harian seseorang individu dari semasa ke semasa. Individu yang mampu untuk mengawal perasaan

dan tindakan sendiri adalah individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang baik, serta mempunyai daya ketahanan untuk mencapai matlamat hidup, mudah menjalin persahabatan dengan orang lain serta boleh mengurus perasaan negatif (Goleman, 1996).

Di samping itu, personaliti guru perlu diambil serius tidak kira sama ada mereka berada di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah, memandangkan guru selalu menjadi perhatian dan tumpuan umum pelajar. Justeru, guru perlu menunjukkan kelakuan, sikap dan sahsiah yang positif supaya menjadi tauladan yang baik kepada para pelajar (Salleh, 1997). Dalam bidang profesion perguruan, konsep kepimpinan melalui teladan selalu dikaitkan di mana guru-guru perlu menunjukkan contoh teladan yang baik dan positif (Mok Soon Sang, 2002), boleh dicontohi dan dipelajari serta bebas daripada sifat-sifat yang negatif. Ciri personaliti yang ditunjukkan oleh para guru ini akan menjadi pedoman, model dan arah tuju yang baik kepada para pelajar dan seterusnya dipandang berat oleh semua lapisan masyarakat.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Potensi dan bakat yang dimiliki oleh setiap individu boleh diperkembangkan dan dipertingkatkan. Namun begitu, potensi dan bakat seseorang itu boleh mendatangkan impak negatif terhadap perkembangan dan pertumbuhan fizikal, psikomotor, kognitif dan emosi seseorang guru sekiranya personalitinya tidak dipandang berat dan diurus dengan berkesan. Keperluan memperkembangkan potensi dan bakat guru secara maksimum ini adalah mematuhi dan selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara (FPN) iaitu pendidikan mementingkan pembangunan secara holistik dari segi aspek rohani, intelek, emosi dan jasmani. Guru yang berjiwa pendidik dapat dilahirkan

sekiranya dia bersedia melengkapkan diri dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan berkecenderungan untuk memiliki personaliti yang baik bagi menjadi seorang guru (Sidek, 2008).

Menurut Allport (1961), personaliti ditakrifkan sebagai sistem psiko-fizikal yang dinamik dan akan memberi garis panduan kepada individu untuk menentukan ciri-ciri tingkahlaku yang bersesuaian dengan persekitaran kemanusiaan dan fizikalnya. Oleh itu, ruang kepada perubahan yang positif dan negatif ini adalah bergantung rapat pada fizikal seseorang personaliti yang dinamik ini.

Kajian yang telah dilaksanakan oleh Grubb (2002) turut menyokong teori personaliti ini. Beliau telah menyatakan bahawa personaliti seseorang adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti jantina, kedudukan, penempatan, agama, budaya, bahasa dan politik. Ini jelas dibuktikan dengan pembinaan personaliti yang memerlukan bentuk-bentuk konflik sosial yang berbeza. Manakala, kajian Nor Azrin (2005) menunjukkan bahawa seseorang guru dapat menarik minat dan perhatian murid untuk belajar sekiranya dia memiliki personaliti yang peramah, mudah mesra, penyayang dan sebagainya. Sementara itu, kajian oleh Decker dan Rimm-Kaufman (2008) turut menyatakan kepentingan pengaruh personaliti guru dalam pembangunan dan pembentukan tanggapan bakal guru terhadap pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian Azhani (2008) turut menyokong pernyataan di atas dengan menyatakan bahawa antara pola-pola tingkahlaku yang sepatutnya guru tunjukkan akan menjadi ciri-ciri yang digemari oleh para murid adalah seperti sabar, tenang, bertimbang rasa, adil, rajin, kreatif, inovatif dan bersedia mendengar kritikan menjadi amalan seorang guru.



Lewis Goldberg (1992) telah membangunkan dimensi personaliti “*Big Five*” secara komprehensif yang dikenali sebagai OCEAN. Personaliti Big Five merangkumi lima dimensi iaitu *Openness to experience*, *Conscientiousness*, *Extraversion*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*. Selain itu, model ini menunjukkan dimensi-dimensi yang dikemukakan adalah cenderung bagi suatu perubahan yang berlaku terhadap ciri-ciri keperibadian seseorang individu yang memberi kesan terhadap matlamat seseorang kepada kehidupan mereka dan konsep kendirinya (Costa dan McCrae, 1994). Tambahan pula, dimensi “*Big Five*” dan aspek-aspeknya saling berkait dengan individu yang akan mempengaruhi tingkahlaku keturunan serta generasi yang akan datang (Jang, Livesley dan Vernon, 2002) dan secara amnya akan seimbang melalui jangka hayat (Roberts dan Delvecchio, 2000).

Personaliti “*Big Five*” juga telah dilihat sebagai sesuatu yang menarik perhatian dalam perspektif psikodinamik dan tingkah laku di dalam sesebuah organisasi yang boleh mempengaruhi kepada kehidupan seseorang (Harris et al., 2005). Para penyelidik menganggap perbezaan sifat personaliti sebagai stabil dari keadaan yang sementara (John dan Srivastava, 1999). Justeru, dalam model dan teori personaliti “*Big Five*” terdapat lima dimensi personaliti yang telah ditetapkan dan memberi pentakrifan yang berbeza iaitu, *Openness to experience*, *Conscientiousness*, *Extraversion*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*. (Digman, 1996).

Selain itu, seseorang pekerja terikat dengan peraturan kerja yang sering berubah selaras dengan perubahan pembangunan organisasi. Kini, prestasi seseorang pekerja akan diukur bukan sahaja berpandukan kepada kepakaran yang ada pada mereka tetapi juga bagaimana mereka menguruskan emosi dan jenis personaliti yang dimiliki (Hamel dan Prahalad, 1991). Ini bermakna, kejayaan seseorang pekerja adalah bergantung kepada jenis personaliti dan kecerdasan

emosi yang dimilikinya. Pekerja yang mempunyai personaliti yang berbeza akan mempunyai cara mengurus emosinya yang tersendiri. Sekiranya seseorang individu tidak mengetahui tentang jenis personaliti yang dimiliki oleh mereka, maka kecerdasan emosi juga tidak dapat diurus dengan lebih efektif. Hal ini adalah disebabkan oleh mereka tidak menyedari tentang kelemahan yang ada pada jenis personaliti yang mereka miliki (Yong, 2003).

Manakala, emosi adalah merujuk kepada perasaan dan pemikiran seseorang sama ada dari sudut biologi atau psikologi serta kecenderungan untuk bertindak (Goleman, 1995). Teori emosi menganggap trait personaliti adalah berasal daripada emosi. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa personaliti merupakan sebahagian daripada emosi. Emosi dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat. Salah satu peringkat ini ialah trait emosi yang terdiri daripada kecerdasan emosi (Averill, 1997). Kecerdasan emosi merupakan satu kebolehan yang wujud dalam pelbagai aspek personaliti. Isu melabelkan personaliti sebagai sebahagian daripada kecerdasan emosi selalu timbul. Kebanyakan individu suka melabelkan personaliti sebagai kecerdasan emosi (Bar On dan Parker, 2000). Justeru itu, terdapat pengkaji yang masih kurang jelas sama ada kecerdasan emosi adalah merupakan satu set ukuran personaliti atau sebaliknya (Davies *et. al.*, 1998).

Kajian-kajian luar negara telah banyak dijalankan untuk meninjau sejauh manakah tret personaliti seperti *Openness to Experience*, *Conscientiousness*, *Extraversion*, *Agreeableness* dan *Neuroticism* dalam kalangan pekerja seperti Petrides, *et al.* (2010), Timothy, Shulman dan Hemeenover (2006), Athota, *et al.* (2009) dan Christopher, *et al.* (2012). Kajian Petrides, *et al.* (2010) yang mengkaji tentang hubungan antara kecerdasan emosi dengan personaliti dalam kalangan pekerja di Belanda telah menunjukkan bahawa *Neuroticism* adalah korelasi yang paling kukuh dengan kecerdasan emosi diikuti dengan *Extraversion*, *Conscientiousness*, *Agreeableness* dan *Openness to experience*. Manakala, Morali

(2009) yang mengkaji tentang kecerdasan emosi dengan personaliti dan kejayaan akademik dalam kalangan guru sekolah fizik pula menyatakan bahawa terdapat korelasi yang kukuh antara personaliti *Conscientiousness* dengan kecerdasan emosi. Kajian Athota, *et al.* (2009) ke atas 131 pekerja dari Universiti Wollongong juga telah menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dengan *Extraversion, Openness to experience, Agreeableness* dan *Neuroticism*.

Berdasarkan kajian-kajian sebelumnya, jelas menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan antara kecerdasan emosi dan personaliti. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum terdapat kajian seumpama ini dilakukan dalam kalangan guru sekolah rendah di daerah Kota Tinggi, Johor. Justeru, kajian ini akan dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah hubungan antara kecerdasan emosi dengan personaliti “*Big Five*” dalam kalangan guru di sekolah rendah di daerah Kota Tinggi, Johor.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan antara kecerdasan emosi dengan personaliti “*Big Five*” dalam kalangan guru Sekolah Rendah daerah Kota Tinggi. Jenis personaliti guru juga telah dikaji dari segi perbezaan mengikut jantina guru. Malahan, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara kecerdasan emosi dengan setiap dimensi personaliti “*Big Five*”. Kajian ini diharapkan akan dapat memberi impak dalam penambahbaikan kecerdasan emosi dan personaliti “*Big Five*” guru supaya modal insan yang terhasil merupakan individu yang berdaya saing tinggi.

Menurut kajian Shapuan (2008), satu kes mencabul telah berlaku yang melibatkan seorang guru mencium pelajar tingkatan satu. Selain itu, terdapat juga kes seumpama ini berlaku pada 15 Disember 2005. Seorang guru telah ditahan kerana mendera pelajar tahun tiga sehingga mengalami kecederaan fizikal. Sementara itu, seorang guru pula didakwa kerana telah menendang pinggang seorang pelajar tahun enam sebanyak dua kali pada 2 April 2007 di salah sebuah sekolah di Sik, Kedah. Terdapat beberapa lagi senario yang menunjukkan keganasan guru. Guru tersebut menampar seorang pelajar berusia 12 tahun disebabkan pelajar tersebut hendak mengambil buku dari dalam begnya sehingga menyebabkan dia lewat menghadiri perhimpunan (Shapuan, 2008). Berdasarkan hasil kajian Shapuan (2008), pengkaji mendapati bahawa kecerdasan emosi guru adalah tidak stabil dan menentu. Maka, persoalan kajian yang pertama yang dibentuk ialah **Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi?**

Selain iu, berdasarkan kenyataan daripada seorang pegawai di bahagian pendaftaran Pentadbiran Tanah dan Galian bahawa pihak mereka pernah mengalami permasalahan berat dalam menguruskan isu atau kes berkaitan personaliti dalam kalangan pekerja. Pada tahun 2012, seorang pekerja berjawatan kerani telah dimasukkan ke hospital sakit jiwa kerana masalah kecelaruan personaliti ditambah tadi dengan bebanan skop kerja yang dilaksanakan (Jabatan Pendaftaran PTG, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa masalah berkenaan personaliti pekerja boleh menimbulkan kesan buruk kepada imej serta reputasi sesebuah organisasi.

Justeru, tidak kira apa jua pekerjaan termasuklah kerjaya pendidik, seseorang guru perlu mempunyai profil personaliti yang boleh diteladankan agar sentiasa mencapai mutu kerja yang cemerlang. Personaliti guru melambangkan ciri-ciri keperibadian guru dan setiap guru mempunyai personaliti tersendiri. Oleh

itu, guru yang mempunyai profil personaliti yang tinggi sentiasa berusaha membentuk akhlak mulia dan membuktikan peningkatan prestasi akademik serta kokurikulum murid secara berterusan. Malah, guru yang berpersonaliti tinggi merupakan sumber inspirasi kepada murid-murid di sekolah. Menurut Tournaki (2003), kejayaan dan kegagalan seseorang murid itu bergantung kepada pelbagai faktor seperti ibu bapa, guru, persekitaran, latar belakang keluarga, pergaulan, dan sikap murid itu sendiri. Justeru itu, jelas sekali menunjukkan bahawa guru juga merupakan salah satu faktor penyumbang kepada kejayaan seseorang murid itu. Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang memainkan peranan menjadi isu kekangan kepada guru-guru ke arah mencapai kecemerlangan dalam profesion keguruan. Sememangnya gelombang pembangunan pesat yang berlaku di negara ini menyaksikan cabaran dan tekanan yang dihadapi oleh guru semakin meningkat. Oleh itu, guru perlu mempunyai profil personaliti serta mekanisme yang tinggi dalam berdaya tindak ke atas isu-isu pendidikan yang berlaku. Maka, persoalan kajian yang kedua dibentuk ialah **Apakah jenis personaliti “Big Five” dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi?**

Manakala, kajian Atta (2013) ke atas pensyarah universiti telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan dari segi personaliti bagi tret personaliti *Extraversion* dan *Conscientiousness* di mana responden perempuan mendapat markah tinggi berbanding responden lelaki pada kedua-dua personaliti. Manakala, dapatan kajian Schnabel *et al.* (2013) juga menunjukkan bahawa dimensi *Neuroticism* dan *Agreeableness* adalah lebih tinggi dalam kalangan wanita berbanding lelaki dan responden lelaki pula adalah lebih tinggi jenis dimensi *Extraversion* and *Openness* berbanding perempuan. Oleh demikian, berdasarkan keputusan kajian sebelumnya yang tidak konsisten dari segi personaliti “Big Five” berdasarkan jantina, maka, pengkaji telah mengambil inisiatif membentuk persoalan kajian yang ketiga iaitu **Adakah terdapat perbezaan dari segi personaliti “Big Five” berdasarkan jantina dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi?**

Tambahan pula, sehingga kini pengkaji masih belum menemui sebarang kajian di daerah Kota Tinggi yang mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dengan personaliti “*Big Five*” dalam kalangan guru sekolah rendah khususnya. Maka, persoalan kajian yang keempat yang dibina ialah **Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan setiap dimensi personaliti “*Big Five*” (*Openness to Experience, Conscientiousness, Extroversion, Agreeableness and Neuroticism*) dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi?**

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Menurut Stokes (2010), persoalan kajian adalah merupakan kenyataan soalan yang merancang untuk mengenal pasti fakta-fakta mengenai topik tertentu terhadap kajian penyelidikan. Fokus kajian ini ialah berkaitan persoalan sama ada terdapat hubungan antara Kecerdasan Emosi (EQ) dan “*Big Five*” personaliti dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi. Bagi tujuan kajian, persoalan berikut perlu dijawab:

1. Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi?
2. Apakah jenis personaliti “*Big Five*” dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi?
3. Adakah terdapat perbezaan dari segi personaliti “*Big Five*” berdasarkan jantina dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi?
4. Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan setiap dimensi personaliti “*Big Five*” (*Openness to Experience, Conscientiousness, Extroversion, Agreeableness and Neuroticism*) dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi?

## 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan arah yang ingin dicapai oleh penyelidik. Oleh itu, objektif kajian adalah berkait rapat dengan persoalan kajian (Stokes, 2010). Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi.
2. Mengenal pasti jenis personaliti “*Big Five*” dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi.
3. Mengenal pasti perbezaan dari segi personaliti “*Big Five*” berdasarkan jantina dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi.
4. Mengenal pasti hubungan antara kecerdasan emosi dan personaliti “*Big Five*” dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi.

## 1.6 Hipotesis Kajian

Menurut Salkind (2009), hipotesis ditakrifkan sebagai idea atau pandangan yang dibuat untuk diuji. Selain itu, hipotesis juga dirumuskan untuk satu situasi di mana inferensnya adalah tidak jelas, teliti dan ia mungkin benar atau palsu (Pannerselvam, 2006). Hipotesis telah dibahagikan kepada dua jenis iaitu hipotesis alternatif ( $H_a$ ) dan hipotesis nol ( $H_0$ ). Hipotesis nol ( $H_0$ ) merupakan kenyataan kesaksamaan antara pemboleh ubah dalam kajian (Salkind, 2009). Salkind (2009) juga menyatakan hipotesis nol ( $H_0$ ) bertindak sebagai titik permulaan untuk memerhati impak dan kesan pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Maka dengan itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) telah dibentuk untuk menjawab objektif kajian ini iaitu:

**(i) Perbezaan dari segi personaliti “Big Five” berdasarkan jantina**

Ho1: Tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi *Openness to Experience* berdasarkan jantina dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi *Conscientiousness* berdasarkan jantina dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi *Extrovertness* berdasarkan jantina dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi *Agreeableness* berdasarkan jantina dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.

Ho5: Tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi *Neuroticism* berdasarkan jantina dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.

**(ii) Hubungan antara kecerdasan emosi dan personaliti “Big Five”**

Ho6: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dengan *Openness to Experience* dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.

Ho7: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dengan *Conscientiousness* dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.



- Ho8: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dengan *Extrovertness* dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.
- Ho9: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dengan *Agreeableness* dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.
- Ho10: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dengan *Neuroticism* dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini telah dijalankan di sekolah rendah harian dalam daerah Kota Tinggi. Guru-guru yang bertugas di sekolah rendah harian telah terlibat sebagai sampel kajian ini. Kajian ini adalah dijalankan untuk mengkaji kecerdasan emosi guru berdasarkan Model Goleman (2001). Terdapat empat dimensi kecerdasan emosi yang telah digunakan dalam kajian ini iaitu kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, kesedaran sosial, mengurus hubungan. Alat ukur untuk kecerdasan emosi adalah instrumen "*Emotional Competence Inventory (ECI)*" yang direka bentuk oleh Richard Boyatzis dan Daniel Goleman (1998) yang telah diterjemahkan oleh Nurzawani (2014) yang digunakan untuk mengukur kecerdasan emosi. Manakala, bagi mengukur personaliti, kajian ini telah berasaskan kepada personaliti "*Big Five*" yang diukur menggunakan instrumen *Big Five Personality Inventory (BFI)* yang telah dibina oleh John, Donahue dan Kentle pada tahun 1991 dan telah diterjemahkan oleh Janet Ho Siew Ching (2006).

Secara kesimpulannya, kajian ini hanya melibatkan pembolehubah yang terdiri daripada empat dimensi kecerdasan emosi berdasarkan Goleman (2001) iaitu kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, kesedaran sosial, mengurus hubungan dan lima domain Personaliti “*Big Five*” iaitu *Openness to Experience*, *Conscientiousness*, *Extrovertness*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*. Kajian ini juga menggunakan kedua-dua model ini untuk mengkaji hubungan antara kedua-dua pembolehubah dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi. Hanya satu faktor demografi yang dikaji iaitu faktor jantina. Ini bermakna, faktor-faktor selain daripada faktor jantina adalah tidak diukur dan dinilai dalam kajian ini. Manakala, kecerdasan emosi guru adalah merupakan pembolehubah bebas dan personaliti “*Big Five*” guru pula adalah pembolehubah bersandar.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dan jenis personaliti “*Big Five*” dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi. Kajian ini juga diharapkan akan dapat mengenal pasti hubungan antara kecerdasan emosi dengan lima domain personaliti “*Big Five*” iaitu *Openness to Experience*, *Conscientiousness*, *Extrovertness*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*, dan seterusnya mengenal pasti tahap kecerdasan emosi bagi membantu pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Melalui tahap kecerdasan emosi dan jenis personaliti “*Big Five*” yang telah dikenal pasti, diharapkan ianya akan membantu guru-guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, diharapkan kajian ini juga akan dapat mengetahui perbezaan dari segi personaliti “*Big Five*” berdasarkan jantina.

### **1.8.1 Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah**

Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah pula diharapkan akan boleh menggunakan hasil kajian ini untuk menyediakan seminar atau bengkel yang efektif kepada guru yang sedia ada di sekolah bagi menjelaskan konsep kecerdasan emosi dengan lebih berkesan. Di samping itu, hasil kajian ini akan dapat mendorong pihak jabatan untuk menambah baik kurikulum kursus perguruan yang lebih seimbang dari segi afektif dan intelek ke arah pemupukan guru yang tinggi nilai personalitinya.

### **1.8.2 Pihak Sekolah**

Diharapkan dapatan kajian ini dapat digunakan di peringkat sekolah semasa melaksanakan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) atau kursus dalaman untuk meningkatkan kecekapan guru di bilik darjah. Ia juga diharapkan dapat memperbaiki imej guru dengan meningkatkan mutu pengajaran, dan seterusnya mengimbangkan kembali nilai-nilai murni dalam diri guru yang seharusnya diterapkan dalam jati pelajar. Diharapkan dapat melahirkan insan guru yang berpersonaliti cemerlang atas kesinambungan kesemua aspek ini dan seterusnya melahirkan pelajar gemilang dan terbilang dalam bidang akademik.

### **1.8.3 Guru-guru**

Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat membantu guru-guru mengenali personaliti mereka berdasarkan model personaliti “*Big Five*” iaitu *Openness to Experience*, *Conscientiousness*, *Extrovertness*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*

serta kecerdasan emosi mereka. Guru-guru haruslah sedar akan kepentingan mereka dalam membentuk masa hadapan pelajar. Oleh itu, bolehlah dirumuskan bahawa adalah amat penting guru-guru memiliki personaliti yang cemerlang dan memiliki kecerdasan emosi yang stabil. Kecemerlangan ini boleh diukur dari aspek amalan nilai murni, kualiti peribadi dan kecekapan guru dan mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Guru perlu selalu mencuba untuk meningkatkan diri sendiri dan tidak berputus asa dalam meningkatkan personaliti diri mereka dari masa ke masa.

#### **1.8.4 Pengkaji Akan Datang**

Kajian ini diharapkan akan dapat menyediakan asas dan panduan kepada pihak yang berminat untuk menjalankan kajian lanjutan bagi menjelaskan lagi perhubungan antara kecerdasan emosi dengan personaliti *Big Five* di sekolah. Pengkaji juga boleh meluaskan tajuk kajian ini kepada profesion yang lain serta menukarkan kepada pembolehubah yang lain untuk menghubungkait dengan pembolehubah dalam kajian ini.

#### **1.9 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya dilaksanakan di sekolah rendah Kota Tinggi sahaja. Hasil dapatan kajian hanya boleh digeneralisasikan di sekolah rendah harian sahaja. Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat banyak teori dan model kecerdasan emosi yang telah dibincangkan secara teliti. Namun bagi mengkaji tujuan kajian ini, pengkaji telah memilih teori Goleman (1995). Ia merangkumi kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, kesedaran sosial dan mengurus hubungan. Teori ini tidak dapat menunjukkan kecerdasan emosi secara keseluruhan yang diamalkan

oleh setiap guru. Oleh yang demikian, hubungan ini hanya cenderung kepada dapatan dan hasil yang terhad kepada elemen-elemen yang terlibat sahaja.

Manakala dari aspek personaliti pula, pengkaji memilih personaliti “*Big Five*” (1995) yang merangkumi *Openness to Experience*, *Conscientiousness*, *Extrovertness*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*. Teori ini juga tidak dapat menunjukkan personaliti secara keseluruhan bagi seorang guru. Oleh yang demikian, hubungan ini hanya cenderung kepada dapatan dan hasil yang terhad kepada elemen-elemen yang terlibat sahaja. Ketepatan dapatan kajian juga bergantung pada kejujuran dan keikhlasan responden ketika menjawab soalan kajian yang dikemukakan. Ini adalah disebabkan kaedah kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian bersandarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh responden dan ianya mungkin terpengaruh dengan faktor-faktor emosi, peribadi, persekitaran dan psikologi responden tersebut.

## **1.10 Definisi Konseptual dan Operasional**

### **1.10.1 Kecerdasan Emosi**

Terdapat banyak definisi yang dikemukakan dalam menerangkan maksud kecerdasan emosi. Berikut merupakan beberapa definisi yang dikemukakan oleh para sarjana yang selalu ter papar, terhidang dan disiarkan dalam buku rujukan.

#### **(i) Definisi Kecerdasan Emosi oleh Mayer & Salovey**

Pada tahun 1990, definisi Kecerdasan Emosi rasmi pertama telah ditakrif dan dikemukakan oleh Dr. Peter Salovey dan Dr John Mayer. Mayer & Salovey

mendefinisikan Kecerdasan Emosi (EQ) sebagai kemampuan seseorang dalam mengenalpasti, mengguna, memahami dan mengendalikan emosinya dengan baik (Mayer & Salovey, 1990).

Menurut Mayer dan Salovey (1993), Kecerdasan Emosi (EQ) adalah sejenis kemahiran sosial yang melibatkan kebolehan seseorang itu dalam memerhati perasaan dan emosi dirinya sendiri dan juga perasaan dan emosi pihak ketiga, membezakan emosi dan perasaan tersebut, dan menggunakannya dalam mendorong pemikiran dan tindakannya” (Mayer & Salovey, 1993).

Mayer dan Salovey (1997) juga mendefinisikan Kecerdasan Emosi (EQ) sebagai kebolehan seseorang dalam melihat dengan tepat, menilai, melahirkan emosinya, kemampuan memahami maksud-maksud pelbagai emosi, kemampuan mengguna emosi secara konstruktif dalam membuat keputusan, tujuannya dan hubungannya dengan pemikiran dan perasaan serta kesannya terhadap interaksi antara satu sama lain, serta kemampuan mengendalikan emosi untuk menggalakkan perkembangan emosi dan intelek seseorang individu.

(ii) Definisi Kecerdasan Emosi (EQ) oleh Goleman

Pada tahun 1995 Kecerdasan Emosi (EQ) mula diteroka dengan lebih meluas apabila Dr Daniel Goleman menulis sebuah buku, ”*Emotional Intelligence: Why it can matter more than IQ*” diterbitkan. Dalam buku ini, Goleman membentangkan beberapa kajian yang telah beliau jalankan dan menyatakan bahawa bagi sesiapa yang mempunyai Kecerdasan Emosi (EQ) yang tinggi, adalah mempunyai fizikal yang sihat dan gembira kehidupannya. Menurut Goleman (1995), Kecerdasan Emosi (EQ) adalah kebolehan kita mengenali emosi sendiri, dan menyedari emosi orang lain, kemampuan mengendalikan emosi,

keupayaan memotivasikan diri sendiri, dan keupampuan mengendalikan hubungan dengan seseorang individu (Goleman, 1995).

(iii) Definisi Kecerdasan Emosi (EQ) oleh Bar-On

Terdapat seorang lagi tokoh yang memberi definisi Kecerdasan Emosi. Beliau merupakan Dr Reuven Bar-On. Sejak tahun 1980, Dr Reuven Bar-On merupakan seorang yang terpenting dalam memberikan definisi, menilai dan mengaplikasikan Kecerdasan Emosi (EQ). Beliau merupakan orang pertama yang memperkenalkan ungkapan "EQ" dan membentuk ujian Kecerdasan Emosi (EQ). Bar-On (1980) mendefinisikan Kecerdasan Emosi (EQ) sebagai kebolehan, kecekapan dan kemahiran bukan kognitif yang boleh mempengaruhi keupayaan seseorang dalam mencapai kejayaan serta menghadapi dan mengatasi tekanan dan desakan dari persekitarannya. Maka, dapat dirumuskan Kecerdasan Emosi (EQ) merupakan faktor yang amat penting dalam menentukan kejayaan seseorang dalam kehidupan dan secara keseluruhannya juga merupakan faktor yang mempengaruhi kesejahteraan psikologinya iaitu kedudukan mental ataupun tahap kesihatan emosinya. Menurut Bar-On (1980), Kecerdasan Emosi (EQ) meliputi kemahiran intrapersonal (*intrapersonal*); hubungan interpersonal (*interpersonal*); pengurusan tekanan (*stress management*); kebolehsesuaian diri (*adaptability*); dan mengendali suasana hati (*general mood*).

Maka dalam kajian ini secara operasionalnya, kecerdasan emosi merujuk kepada Model Goleman (1995) yang mempunyai empat dimensi iaitu kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, kesedaran sosial dan menguruskan hubungan yang telah diukur secara menyeluruh menggunakan *Emotional Competence Inventory* (ECI) yang telah dibangunkan oleh *Richard Boyatzis* dan *Daniel Goleman* (1998).

### 1.10.2 Personaliti

Personaliti bermakna keperibadian, perwatakan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Makna personaliti dalam Kamus Tesaurus Bahasa Melayu Dewan (1998) ialah sahsiah, perwatakan, sifat, tabiat dan kerenah. Menurut Ali Isa Othman (1981), Imam Al Ghazali r.a mengatakan bahawa manusia adalah makhluk yang kompleks, kebendaan dan sayangkan kehidupan serta kepandaian. Manusia juga suka kepada nilai-nilai estetika. Menurut Mohamed Hatta Shahrom *et.al* (1996) perkataan personaliti adalah cantuman dua perkataan iaitu “persona” dan “kualiti”. Personaliti didefinisikan sebagai keseluruhan sifat fizikal dan sifat psikologi seseorang yang menjadikan berlainan daripada individu lain.

Perkataan personaliti berasal dari perkataan Latin iaitu “persona” atau “persoalitas”. Persona atau topeng membawa maksud rupa luaran yang ada pada seseorang. Namun maksud itu tidak kekal kerana perkataan persona memberi pengertian antaranya termasuklah ciri-ciri dan kualiti dalaman seseorang dan juga rupa luaran. Salah satu definisi awal tentang personaliti telah diberi oleh Menninger (1930). Menurut beliau personaliti ialah apa-apa yang sebenarnya yang menghuraikan tentang seseorang. Definisi mengandaikan tentang keadaan biologi dan fisiologi seseorang dan ia juga dianggap sebagai terlalu ringkas.

Allport (1961) membahagikan definisi personaliti kepada tiga bahagian iaitu kesan luaran, struktur dalaman dan pandangan positif. Noran Fauziah (1997) menyatakan personaliti menyingkap beberapa soalan iaitu kaitannya dengan struktur, proses dan pertumbuhan dan perkembangan. Struktur personaliti akan mengkaji gerak balas, tabiat, trait dan jenis. Manakala proses pula menekankan kepada aspek motivasi yang digunakan untuk menerangkan tingkah laku dan usaha individu dalam penyempunaan sendiri. Akhirnya pertumbuhan dan



perkembangan merujuk kepada perubahan struktur organisme dari peringkat bayi hingga dewasa dan juga segala perkembangan yang berlaku dalam proses tersebut.

Manakala, menurut Rogers (1969), untuk memahami personaliti, kita perlu ‘menyuluh’ kepada diri individu. Pandangan Rogers (1961) juga menegaskan personaliti individu sebagai organisme iaitu satu sistem yang tersusun di mana perubahan pada satu komponen menghasilkan perubahan dalam bahagian lain. Tiga unsur yang saling berkait iaitu kognitif, afektif dan psikomotor di mana ianya saling berkaitan tanpa dapat dipisahkan antara satu dengan lain. Definisi yang dianggap lebih menyeluruh adalah oleh Warren dan Carmichael (1930). Menurut Warren dan Carmichael (1930) personaliti ialah “organisasi dinamik dalam diri individu yang terdiri daripada sistem psikologikal dan fizikal yang menentukan penyesuaiannya kepada persekitarannya”.

Menurut Ramli Hassan (1990), personaliti yang berkekalan pada seseorang individu menyebabkannya menunjukkan tingkah lakunya serta cara berfikir yang sama dalam berbagai-bagai konteks atau keadaan. Personaliti seseorang individu merangkumi ciri-ciri seperti kecerdasan sikap, kepercayaan, nilai moral, penggiatan emosi, motif serta bagaimana ia menghadapi dan mengatasi tekanan dalam hidupnya.

Mohd Salleh Lebar (1994) menyatakan personaliti melambangkan ciri-ciri seorang individu yang diterjemahkan dalam kehidupan seharian yang dikaitkan dengan sifat-sifat dan perwatakan. Personaliti dikenali juga dengan sahsiah adalah melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu. Ini bermakna, personaliti adalah sifat-sifat yang terdapat pada seseorang individu seperti cara dia berfikir, beraksi, beremosi, berpersepsi dan lain-lain yang membolehkannya dibezakan

dengan orang lain. Oleh itu personaliti akan memperlihatkan sifat-sifat fizikal, emosi dan kognitif seseorang individu.

Jaafar (1997) pula menyatakan personaliti merujuk kepada sesuatu intergrasi organisasi dinamik yang merangkumi aspek fizikal, mental dan kualiti sosial yang dimiliki oleh individu yang menggambarkan bagaimana individu itu akan berinteraksi terhadap dirinya, orang lain serta objek seterusnya. Dapatlah dirumuskan bahawa setiap individu mempunyai jenis personaliti yang berbeza diantara satu sama lain.

### 1.10.3 Personaliti “*Big Five*”

Personaliti “*Big Five*” adalah merujuk kepada teori personaliti *Big Five* yang dicetuskan oleh Paul Costa, Jr dan Robert Mc Crea (1995). Tret personaliti individu telah dibahagi kepada lima dimensi utama iaitu *Extraversion* iaitu bersifat sosial (suka bergaul), *Neuroticism* iaitu mempunyai gangguan emosi, *Openness* iaitu mempunyai sifat terbuka, *Agreeableness* iaitu berpendapat yang sama (senang mencapai persetujuan), *Conscientiousness* iaitu mempunyai kesedaran. Kaedah ini telah digunakan oleh ramai penyelidik yang ingin menguji personaliti dan biasanya digunakan untuk membangunkan ujian personaliti bagi menguji tret personaliti individu.

Maka dalam kajian ini secara operasionalnya, personaliti yang dikaji adalah merujuk kepada Model Personaliti *Five Factor* (Costa & McCrea, 1995). Personaliti “*Big Five*” mempunyai lima dimensi personaliti ialah *Openness to experience*, *Conscientiousness*, *Extraversion*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*. *Big*

*Five Personality Inventory* (BFI) digunakan sebagai alat ukur dalam kajian ini. Perincian mengenai setiap dimensi tersebut adalah seperti berikut:

1. *Openness to experience*: Dimensi ini menerangkan keterbukaan kepada pengalaman kognitif dan bukan kognitif, yang ditunjukkan dalam pelbagai kepentingan, kesungguhan untuk mencari dan pengalaman hidup baru dan luar biasa tanpa kebimbangan dan juga dengan keseronokan. (Barrick & Mount, 1991; Costa & McCrae, 1992).
2. *Conscientiousness*: Merupakan satu dimensi yang menumpukan kepada isu-isu seperti orientasi, tingkah laku kebiasaan, dan kawalan gerak hati. Ia merujuk kepada individu yang bertanggungjawab, berhati-hati, teliti, teratur, boleh dipercayai, rajin, berdisiplin, menepati masa, kemas, bercita-cita tinggi dan gerak hati (Barrick & Mount, 1991; Costa & McCrae, 1992).
3. *Extroversion*: Individu yang tinggi dalam *extraversion* digambarkan sebagai tegas, bercita-cita tinggi, pandai bergaul, aktif, suka bercakap, berorientasikan orang, optimistik, dan penyayang (Costa & McCrae, 1992).
4. *Agreeableness*: Individu yang tinggi dalam *Agreeableness* digambarkan sebagai bertolak ansur, mempercayai, fleksibel, pemaaf, bekerjasama, sopan, lembut hati, baik-hati, membantu, mudah tertipu serta terus-terang (Barrick & Mount, 1991; Costa & McCrae, 1992).
5. *Neuroticism*: *Neuroticism* digambarkan sebagai marah, malu, cemas, bermusuhan, tertekan, sedar diri, impulsif, bimbang, gelisah, emosional, tidak selamat, dan tidak mencukupi (Barrick & Mount, 1991; Costa & McCrae, 1992; Matthews & Deary, 2003).

#### 1.10.4 Guru

Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga (2000), perkataan guru bermaksud pendidik, pengajar, dan pengasuh. Oleh yang demikian menurut konteks pendidikan di Malaysia guru merupakan individu yang bertauliah dalam profesion pendidikan yang menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar menerusi proses pengajaran dan pembelajaran serta bermotifkan perubahan jasmani, emosi, rohani, dan intelek seseorang pelajar.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1992) pula, mendefinisikan guru sebagai pendidik dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, memperkembangkan kemahiran dan membentuk budi pekerti atau akhlak pelajar. Di samping tugas-tugas lain iaitu sebagai perancang, pengurus, fasilitator, pembimbing dan sebagai model atau contoh teladan. Oleh itu, guru perlu menyesuaikan diri dengan garis panduan ini. Dalam konteks kajian ini, guru adalah merujuk kepada guru-guru di sekolah rendah harian dalam daerah Kota Tinggi.

Secara operasionalnya, dalam kajian ini guru merupakan seseorang yang telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan kewajipan dan tanggungjawabnya di sekolah rendah harian daerah Kota Tinggi, Johor. Guru-guru tersebut juga memiliki tahap pendidikan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dan kelulusan ikhtisas dalam pendidikan dengan gred jawatan DG41, DG44, DG48 atau DG52. Bagi guru yang memegang Gred DG41 adalah guru siswazah dengan gred permulaan sebagai seorang mahasiswa. Bagi guru akademik biasa, mereka juga berpeluang untuk meningkat ke gred DG44 dengan syarat selepas lapan tahun berkhidmat dalam jawatan dan seterusnya ke gred DG48 setelah lapan tahun berkhidmat dalam gred DG44. Bagi guru yang ingin memperolehi gred DG52, guru tersebut mestilah berkhidmat dalam

jabatannya sekurang-kurangnya empat tahun dalam gred DG48. Manakala, guru lepasan diploma dengan kelulusan ikhtisas pendidikan terbahagikan kepada DG29, DG32, DG34 dan DG38.

### **1.11 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan tentang latar belakang permasalahan kajian iaitu kecerdasan emosi dan personaliti "*Big Five*" dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi. Permasalahan kajian dibincangkan berdasarkan kajian lepas mengenai hubungan antara kecerdasan emosi dengan personaliti "*Big Five*" dalam kalangan guru. Berdasarkan gabungan teori dan kajian lepas, hipotesis telah dibentuk untuk menjalankan kajian dan diuji sama ada selaras dengan objektif dan persoalan kajian yang telah ditulis. Walaupun skop kajian tentang kecerdasan emosi dan personaliti "*Big Five*" telah banyak dijalankan di Barat, namun kajian terhadap kedua-dua faktor ini masih kurang dijalankan di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dengan personaliti "*Big Five*" dalam kalangan guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi. Adalah diharapkan kajian ini dapat menambahkan dapatan emperikal berkaitan kecerdasan emosi dan personaliti "*Big Five*" dalam kalangan guru.

## RUJUKAN

- Abd. Rahman, Azilah (2010) *Hubungan Antara Personaliti Dan Gaya Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Matematik Pmr Satu Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi*. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Education.
- Acerill, J.R. (1997). "The Emotions An Integrative Approach." Dlm. Hogan, R., Johnson, J. Dan Briggs, S. (1997). "Handbook Of Personality Psychology" m.s. 513-541. USA: Academic Press
- Ashton, M. C., Lee, K., & Paunonen (2002). Honesty as the sixth factor of personality: Correlations with Machiavellianism, primary psychopathy, and social adroitness. *European Journal of Personality*, 14, 359–368.
- Athota, V.S., & O'connor, P.J., & Jackson, C. (2009). The role of emotional intelligence and personality in moral reasoning. From [http://researchonline.nd.edu.au/sci\\_chapters/1](http://researchonline.nd.edu.au/sci_chapters/1).
- Azizi, Y. dan Nik (2007). "Kecerdasan Emosi Hubungannya dengan Pencapaian Akademik". Skudai : Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Bar-On, R (2004). *The Emotional Quotient Inventory (EQ-i): Technical Manual*, Multi-Health Systems, Toronto.
- Bar-On, R. & Parker, J.D.A. (eds) (2000). *The Handbook of Emotional Intelligence*. San Francisco, Jossey-Bass.
- Barrick, M.R. & Mount, M.K. (1991). The big five personality dimensions and job performance: A meta-analysis. *Personnel Psychology*, 44, 1-26.

- Brackett, M. A., and Mayer, J. D. (2003). Convergent, discriminant, and incremental validity of competing measures of emotional intelligence. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 29, 1147-1158.
- Burisch, M. (1984a). *Approaches to personality inventory construction*. A comparison of merits. *American Psychologist*, 39, 214–227.
- Christopher, H., Kamlesh Singh & Brett, L., (2011). The Happy Personality in India: The Role of Emotional Intelligence. *Journal of Happiness Study*, 12, 807-817.
- Costa, P.T., Jr. & McCrae, R.R (1992). *Revised NEO Personality Inventory (NEO-PI-R) and NEO Five-Factor Inventory (NEO-FFI) manual*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Dann, J. (2001). *Test Your Emotional Intelligence*. London: Fakenham Photosetting Ltd.
- Davies, M., Stankov, L. Dan Robert, R.D. (1998). “Emotional Intelligence: In Search Of An Elusive Construct.” *Journal of Personality and Social Psychology*. Bil. 74 (4). M.s. 989-1015
- Digman, J.M.(1990).”Personality structure: Emergence of the five-factor model”. *Annual Review of Psychology* 41:417-440.
- Ellis, A., & Abrams, M. (2009). *Personality Theories: Critical Perspectives*. London: Sage Publications.
- Faizah Abd Ghani & Nagarajan Kupusamy (2012). Hubungan Tret Personaliti Dan Kecekapan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah Menengah Daerah Pasir Gudang,

Johor. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, Volume 6 June 2012, Pages 92-115 / ISSN: 2231-735X

Goldberg, L. R. (1981). Language and individual differences. The search for universals in personality lexicons. In L. Wheeler (Ed.), *Review of personality and social psychology*, (Vol. 2, pp. 141-165). Beverly Hills, CA: Sage.

Goleman, D. (1998). *Working with Emotional Intelligence*, Bantam Books, NY, pp. 35-54

Goleman, D. (2001). Examining the Relevance of Emotional Intelligence and Organizational Commitment among Employees of Small and Medium Enterprise in Private Sector. *International Journal of Business and Management*. 6 (12), 180-194.

Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*, Bantam Books, NY.

Goleman (2001). *Emotional Intelligence*. Issues in Paradigm Building.

Habibah Elias & Noran Yaakub. (2006). *Psikologi Personaliti*: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Hamel, G dan Prahalad, C.K. (1991). "Corporate Imagination and Expeditionary Marketing," Harvard Business Review.

Hudani, M, N., Redzuan, M., & Hamsan, H. (2012). Inter Relationship between Emotional Intelligence and Personality Trait of Educator Leaders. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 2(5), 223-237.



- Iffi (2006). *Hubungan Antara Kecerdasan Intelek, Kecerdasan Emosi Dan Stres Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Kebangsaan*. Dicapai pada 8 April 2016. Dari [http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwp2/p\\_2006\\_6879\\_c7f796cec01440deb44a00dc3f17decc.pdf](http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwp2/p_2006_6879_c7f796cec01440deb44a00dc3f17decc.pdf)
- Johnson, B. & Christensen, L. (2000). *Educational Research Quantitative And Qualitative Approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- John, O. P., Goldberg, L. R., & Angleitner, A. (1984). Better the the alphabet: Taxonomies of Personality-descriptive terms in English, Dutch, and German. *Personality psychology in Europe: Theoretical and empirical developments* (pp. 83-100). Berwyn: Swets North America Inc.
- John, O. P., & Srivastava, S. (1999). *The Big-Five trait taxonomy: History, measurement, and theoretical perspectives*. In L. A. Pervin & O. P. John (Eds.), *Handbook of personality: Theory and research* (Vol. 2, pp. 102–138). New York: Guilford Press.
- Langford, P.H. (2003). *A one-minute measure of the Big Five? Evaluating and abridging Shafer's Big Five markers*. *Personality and Individual Differences*, 35, 1127–1140
- Liew Phaik Guat Selina, Gan Teck Hock dan Sia Pong Won (2000). *Tahap Kecerdasan Emosi Murird-Murid Tahun Lima di Kawasan Miri*. Latihan Ilmiah.Universiti Malaysia Sarawak.
- Matthews, G., Deary, I. J., & Whiteman, M. C. (2003). *Personality Traits*. United Kingdom: Cambridge University Press.

Mayer, J.D. & Salovey, P. (1990). "Emotional Intelligence," *Imagination, Cognition and Personality*, Vol. 9, pp. 185-211.

Mayer, J.D. & Salovey, P. (1993). "The Intelligence of Emotional Intelligence," *Intelligence*, Vol. 17, pp. 433-442.

Mayer, J.D. & Salovey, P. (1997) *Educational Development and Emotional Intelligence*, Basic Books, NY, pp. 185-211.

Mayer, J. D., & Salovey, P. (1997). What is emotional intelligence? In P. Salovey & D.Sluyter (Eds.), *Emotional development and emotional intelligence: Implications for educators* (pp. 3-31). New York, NY: Basic Books.  
[www.unh.edu/personalitylab](http://www.unh.edu/personalitylab)

Mayer, J.D., Caruso, D.R., & Salovey, P (1999). "Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence", *Intelligence*, Vol. 27, pp. 267-98.

McCrae, R. R, Jian Yang, Paul T. Costa & Beiling Gao (2001)."Personality Profiles and the Prediction of Categorical Personality Disorders". *Journal of Personality*, Vol. 69, Issue 2, pages 155-174.

Michael, A.J. (2006). *Kompetensi Kecerdasan Emosi*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Mohd. Azhar Abdul Hamid. (2004). *EQ panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. Gombak: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Mohd Nazar Mohamed (1992). *Pengantar Psikologi : Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mok Soon Sang (2002). *Psikologi Pendidikan*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman

Myleen, L., Michael, R., & William, F. (2009). A study of personality preferences and emotional intelligence. *Leadership and Organization Development Journal*, 30(4), 421-434.

Norhaiza Binti Tahir (2015). *Hubungan Personaliti Guru Terhadap Kemahiran Proses Sains Pelajar*. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Fakulti Pendidikan Teknik Dan Vakasional.

Polit, D. et al (2001) *Essentials of Nursing Research: Methods, Appraisal and Utilisation*. Philadelphia, PA: Lippincott.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012). *Dicapai pada 8 April 2016. Dari <http://www.moe.gov.my/my/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025>*

Petrides, K. V. (2009). *Technical manual for the Trait Emotional Intelligence Questionnaires (TEIQue)*. London: London Psychometric Laboratory.

Petrides, K. V., Vernon, P. A., Schermer, J. A., Ligthart, L., Boomsma, D. I. & Veselka, L. (2010). Relationships between trait emotional intelligence and the Big Five in the Netherlands. *Personality and Individual Differences*, 48, 906-910.

Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). “Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran”. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum (2003). *Dicapai pada 8 April 2016. Dari [http://www.ppk.kpm.my/html/about%20cdc/about\\_per.htm](http://www.ppk.kpm.my/html/about%20cdc/about_per.htm)*

- Roberts, B. W., & DelVecchio, W. F. (2000). The Rank-Order Consistency of Personality Traits from Childhood to Old Age: A Quantitative Review of Longitudinal Studies. *Psychological Bulletin*, 126, 3–25.
- Salleh (1997). Pendidikan Islam: falsafah , pedagogi dan metodologi. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Salovey, P. & Mayer, J. D. (1990). *Emotional intelligence: Imagination, Cognition and Personality*, 9: 185- 211.
- Samsiana Yuni Astuti (2013). *Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Kompetensi Guru Tk Di Kecamatan Laweyan*. Universitas Muhammadiyah Surakarta, Fakulti Psikologi.
- Schutte, N. & Malouff, J. (1999). *Measuring emotional intelligence and related constructs*. New York: The Edwin Mellon Press.
- Shapuan, R. (2008). *Kes-Kes Keganasan Yang Di Lakukan Oleh Guru. Dicapai pada 8 April 2016. Dari*  
<https://rafidahshapuan.wordpress.com/2008/02/18/kes-kes-keganasan-yang-dilakukan-guru/>
- Shulman, E.T., & Hemenover, S.H. (2006). Is dispositional emotional intelligence synonymous with personality? *Self and Identity*, 5, 147-171.
- Srivastava, S., John, O. P., Gosling, S. D., & Potter, J. (2006). *Development of personality in early and middle adulthood: Set like plaster or persistent change?* *Journal of Personality and Social Psychology*, 84, 1041-1053.
- Stein, S. (2001). *The EQ Edge: Emotional Intelligence and Your Success*. London: Kogan Page.

Watson, D., & Clark, L. A. (1997). Extraversion and its positive emotional core. In R. Hogan, J. Johnson, & S. Briggs (Eds.), *Handbook of personality psychology* (pp. 767-793). San Diego, CA: Academic Press.

Weisinger, H. (1998). *Emotional intelligence at work*. San Francisco: Jossey-Bass.

Yong, L. M. S. (2003). "The LEONARD Personality Inventory." Kuala Lumpur: LPI Sdn. Bhd.

Zulelawati Bujang & Yusni Zaini Yusof (2015). "Trait Personaliti Dan Hubungan Dengan Prestasi Akademik Bakal Guru Di Sebuah Institusi Latihan Perguruan." *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, Volume 8, Edisi Khas 2015